

## **LAMPIRAN A**

### **GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN LUAR JENIS LED DI BAHAGIAN PULAU, PULAU PINANG**

#### **1.0 TUJUAN**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk jawatankuasa menimba bang cadangan penambahbaikan garis panduan papan iklan luar jenis LED di bahagian pulau, Pulau Pinang.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1. Papan Iklan Luar Jenis LED merupakan salah satu alatan media dalam pengiklanan di kawasan bandar.
- 1.2. Majlis telah meluluskan Garispanduan Papan Iklan Luar Jenis LED pada Mei 2017 dan mula dikuatkuasa mulai 1 Jun 2017.
- 1.3. Memandangkan pada masa kini terdapat beberapa jenis dan rekabentuk papan iklan luar jenis LED maka satu ketetapan perlu dilaksanakan bagi memenuhi idea kreatif pengusaha papan iklan.

#### **3.0 KATEGORI DAN SYARAT-SYARAT AM**

Kategori bagi papan iklan luar jenis led terbahagi kepada dua iaitu paparan statik dan paparan bergerak (motion). Kedua-dua jenis papan iklan luar jenis LED hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut :-

- a) Garis panduan papan iklan luar jenis LED hendaklah dibaca bersama :
  - i. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Di Negeri Pulau Pinang
  - ii. Garis Panduan Kawalan Papan Iklan (Billboard) Dan Menara Papan Iklan Setiang (Unipole) Dan Iklan Di Pagar Keselamatan (Hoarding) Di Kawasan MPPP.
  - iii. Garis Panduan Pencahayaan Papan Tanda & Iklan Di Dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tapak Warisan Dunia George Town.
- b) Kecerahan papan iklan luar jenis LED yang dibenarkan adalah seperti berikut:
  - i. Jam 7.31 pagi sehingga 7.30 petang – Maksimum 4000 cd/m<sup>2</sup>
  - ii. Jam 7.31 petang sehingga 7.30 pagi – Maksimum 320 cd/m<sup>2</sup>
- c) Papan iklan luar jenis LED tidak dibenarkan beroperasi dari jam 12.30 tengah malam sehingga 6.30 pagi di jalan-jalan selain daripada jalan-jalan pengagih utama.
- d) Keperluan memaparkan Mesej Sivik yang khusus kepada Majlis dan Kerajaan Negeri hendaklah diperuntukkan secara percuma 15% daripada setiap jam bagi paparan statik dan paparan bergerak.

- e) Saiz papan iklan yang dibenarkan adalah seperti berikut :-

Bil	Kategori	Ukuran	Catatan
1.	Sederhana (Unipole)	Tidak melebihi 600 kaki persegi (Maksimum 45 kaki panjang atau tinggi)	Pengagih Daerah ; Had kelajuan 65km/j atau lebih rendah ( $\leq$ 65km/j)
2.	Besar (Unipole)	Tidak melebihi 1200 kaki persegi (Maksimum 60 kaki panjang atau tinggi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengagih Utama ; Had kelajuan lebih daripada 65km/j (<math>&gt;</math> 65km/j)</li> <li>• Hanya paparan statik dibenarkan</li> </ul>
3.	Iklan dinding	Tidak melebihi 90% dari keseluruhan dinding dengan keluasan maksima 1200 kaki persegi	

- f) Permit papan iklan luar jenis LED perlu diperbaharui setiap tahun.
- g) Mesej serta visual iklan yang dipaparkan tidak menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, bangsa, agama, politik dan negara. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan, paparan iklan tersebut hendaklah diturunkan dengan kadar segera dan lesen tahunan bagi papan iklan luar jenis LED tidak akan diperbaharui.
- h) Papan iklan luar jenis LED tidak dibenarkan di Tapak Warisan Dunia George Town
- i) Bayaran akan dikenakan kepada pemohon bagi kerja-kerja pengukuran kecerahan seperti berikut:
- i. RM200 untuk kerja-kerja semasa permohonan dikemukakan untuk kelulusan.
  - ii. RM200 akan dikenakan untuk kerja-kerja bagi pembaharuan lesen tahunan.

#### 4.0 PAPAN IKLAN LUAR JENIS LED - STATIK

- a) Paparan iklan mesti berubah dalam tempoh kurang daripada 0.5 saat (untuk mengurangkan gangguan ‘flash’. Contoh; apabila perubahan ini merangkumi perubahan kontras tinggi).
- b) Masa paparan bagi setiap iklan mestilah tidak melebihi 30 saat.
- c) Membiarkan skrin berada dalam keadaan kosong antara imej/mesej yang berbeza adalah tidak dibenarkan.

#### 5.0 PAPAN IKLAN LUAR JENIS LED – BERGERAK (MOTION)

- a) Masa paparan bagi setiap iklan bergerak hendaklah berdurasi tidak melebihi 180 saat.

Garis panduan ini telah dikemaskini pada 10 September 2019 di Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Lalulintas.